

TARIKH : 8 JULAI 2022  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 36

**Richiamo Coffee bakal tembusi pasaran antarabangsa**

## Richiamo Coffee bakal tembusi pasaran antarabangsa

Oleh **KAMARIAH KHALIDI**  
ekonomiutusan@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Rangkaian kedai kopi premium, Richiamo Coffee dijangka membuat kemunculan di pasaran antarabangsa sekitar Ogos ini dengan memilih Brunei sebagai lokasi pertama.

Menurut Pengarah Urusan Kumpulan Richiamo Coffee, Muhammad Zamry Abu Samah, perbincangan mengenai pembukaan cawangan di peringkat antarabangsa itu telah dilakukan sebelum pandemik Covid-19 melanda negara, namun terpaksa ditangguhkan berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

“Pembukaan dalam masa terdekat adalah di Brunei kerana perbincangan telah berlangsung sebelum PKP lagi selain kita menasarkankan ‘big market’ seperti di Indonesia dan Madinah.

“Cawangan di Brunei itu kita jangka akan dibuka dalam masa dua bulan lagi kerana ia sudah dalam proses,” katanya ketika ditemui pemberita selepas pelancaran cawangan Richiamo Coffee di Menara Prisma di sini semalam.

Terdahulu, pelancaran tersebut disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Richiamo Coffee adalah jena-



**MUSTAPA Mohamed bersama Muhammad Zamry Abu Samah (dua kanan) bergambar di hadapan kiosk Richiamo Coffee pada pelancaran cawangan Richiamo Coffee ke-99 di Menara Prisma, Putrajaya, semalam.**  
- UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

ma tempatan 100 peratus milik bumiputera yang memulakan operasinya sejak tahun 2015 dan telah melebarkan sayap ke seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak melibatkan jumlah keseluruhan 105 cawangan.

Jelas Muhammad Zamry, Richiamo Coffee yang berkonsepkan kiosk di Menara Prisma itu adalah yang pertama dilancarkan manakala cawangan-cawangan

lain pula merupakan sebuah kafe.

“Kita buka kiosk ini dua minggu yang lepas dan dalam tempoh sama enam lagi cawangan turut dibuka. Berdasarkan ‘progress’ terkini, ada 30 buah cawangan baharu sedang dalam proses renovasi dan ia akan dibuka di antara sebulan hingga dua bulan lagi.

“Cawangan baharu di Sabah pula akan dibuka pada 20 Jun ini sementara di Sarawak kita

sudah mempunyai cawangan yang terletak di Universiti Malaysia Sarawak,” ujarnya.

Dalam pada itu, ketika ditanya mengenai kelebihan Richiamo Coffee berbanding kafe-kafe lain di negara ini, Muhammad Zamry berkata, jenama tersebut menawarkan pengalaman kepada pelanggan untuk menikmati kopi asli premium dengan harga yang berpatutan.